

Amaran Dr. M pada 4 syarikat kontena

PELABUHAN KLANG 12 Mac — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kepada empat syarikat pengangkut kontena bahawa kerajaan tidak teragak-agak untuk mengeluarkan lesen angkut kontena kepada pihak lain jika syarikat - syarikat itu gagal menunjukkan prestasi yang memuaskan.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan akan mengawasi dengan teliti prestasi khidmat keempat - empat syarikat itu supaya ia bergerak seajak dengan permintaan daripada para pengguna.

Keempat - empat syarikat pengangkut kontena itu ialah Kontena Nasional Berhad, Shapadu Kontena Berhad, Konsortium Perkapalan Berhad dan yang terbaru, MISC Haulage Services Sdn. Bhd.

"Kerajaan ingin menekankan pentingnya pengangkutan kontena menjadi efisien demi meningkatkan daya saingan eksport negara," katanya ketika berucap merasmikan pelayaran ulung kapal *Bunga Siantan* di Pelabuhan Klang Utara, dekat sini, pagi ini.

Pada majlis itu, Perdana Menteri juga melancarkan perkhidmatan pengangkutan kontena MISC Haulage Services Sdn. Bhd. — sebuah anak syarikat Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad (MISC) yang mengendalikan kargo tangki minyak sawit.

Dato' Sri Dr. Mahathir menjelaskan kelulusan diberi kepada MISC untuk melibatkan diri dalam pengangkutan kontena setelah mengambil kira kedudukannya sebagai sebuah syarikat perkapalan yang terbesar di negara ini.

Beliau berkata, kerajaan, mahu khidmat pengangkutan kontena diusahakan dengan lebih bersungguh - sungguh kerana permintaan terhadap perkhidmatan tersebut semakin meningkat sejak akhir - akhir ini.

Beliau berharap penyertaan MISC Haulage Services akan membu-

Oleh
Wahairi Mahmud

ka era baru dalam persaingan antara syarikat - syarikat kontena tempatan dan mengimbangi kuasa perusahaan perkapalan asing di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, sekiranya perkembangan angkatan kapal negara tidak diselaraskan dengan keperluan perdagangan, permintaan untuk perkhidmatan perkapalan asing akan terus meningkat.

"Ini akan menjejaskan ekonomi kita kerana sebahagian besar daripada kos perdagangan akan dinikmati oleh perusahaan perkapalan dan insurans negara asing," tegas beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir memuji langkah MISC memperbesarkan angkatan kapalnya walaupun pulangan terhadap pelaburannya adalah rendah serta menghadapi risiko yang tinggi.

Sambil menyatakan sokongan kerajaan terhadap industri pengangkutan kapal, Perdana Menteri mahu syarikat - syarikat perkapalan tempatan berusaha mengurangkan kos supaya mereka dapat bersaing dengan syarikat asing.

"Persaingan dalam industri perkapalan antarabangsa adalah amat sengit dan kita mesti berusaha untuk menawarkan kadar yang kompetitif untuk menarik pelanggan, di samping memberi perkhidmatan yang cekap."

"Sehubungan itu, kerajaan akan terus meningkatkan kemudahan sampingan seperti latihan, kemudahan baik-pulih kapal dan pembangunan pelabuhan sesuai dengan hasrat menjadi Malaysia negara maritim," ujarnya.